

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PEMULIHAN PENGGANAS DAN KETAHANAN MASYARAKAT

RRG perkukuh kepercayaan antara Islam dan bukan Islam

Oleh SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

PEMIMPIN Melayu/Islam semalam menyanjung tinggi usaha baik Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) sepanjang sedekad lalu, khususnya dalam memperkukuh kepercayaan dan keyakinan di antara masyarakat Islam dengan bukan Islam di sini.

Mereka bangga dengan kumpulan asatizah itu yang berani ke hadapan 10 tahun lalu untuk menghapuskan salah tanggapan mengenai Islam, ekoran penangkapan pengganas Jemaah Islamiyah (JI) Singapura.

Para pemimpin itu juga berpendapat model yang dilakarkan RRG dalam membanteras ideologi pengganas "tepat, betul dan berhasil".

Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar merangkap Ehwal Dalam Negeri), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, berkata daripada kesemua jumlah tahanan JI yang menjalani pemulihan bersama RRG sejak ditubuhkan 10 tahun lalu, hanya satu kembali kepada ideologi pengganas, dan dia sudah diberkas semula.

"Bahaya pengganasan akan berubah dari masa ke masa, jadi RRG perlu membuat penyesuaian sewajarnya," kata Encik Masagos.

Anggota Parlimen bagi GRC Marine Parade, Profesor Madya Fatimah Lateef, berkata usaha yang dijalankan RRG berjaya membina kepercayaan kukuh di antara masyarakat berbilang kaum dan agama.

"Apabila JI timbul, masyarakat bukan Islam memandang masyarakat kita dengan rasa sangsi. Namun usaha RRG mampu memupuk kefahaman yang betul tentang Islam," kata Profesor Madya Fatimah.

Presiden Pertapis, Haji Hussaini Abdullah, berkata RRG telah "memainkan peranan betul" dalam menghapuskan tanggapan kurang tepat tentang Islam - satu usaha yang disifatkannya sebagai "bukan senang".

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Mendaki, Cik Moliyah Hashim, pula menambah keupayaan RRG melaksanakan "usaha susah itu" berjaya mengembalikan keyakinan di antara masyarakat negara ini.

Langkah RRG menangani isu pengganasan dengan menawan kepercayaan masyarakat bukan Islam juga dilihat sebagai satu langkah berani, kata Presiden Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), Encik Izzudin Taherally.

Sementara itu, Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik

Alhamdulillah, satu kebanggaan yang dapat diraih daripada RRG ialah asatizah kita dapat menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian negara.

— Ustaz Irwan Hadi Mohd Shuhaimy.

RRG telah melakukan perjalanan yang cukup jauh dalam proses mencapai kematangan dan memperkukuhkan keadaan keharmonian Singapura.

— Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar merangkap Ehwal Dalam Negeri), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad.

Azmoon Ahmad, berkata model RRG itu boleh dicontohi dan dapat disesuaikan bagi menangani pelbagai ancaman pengganasan pada masa akan datang, meskipun ia mungkin tidak lagi berunsur agama.

"Kesan (pendekatan lembut) mungkin tidak serta-merta, tapi kini hasilnya jelas," kata Encik Azmoon, juga Pengerusi Aftercare Group (ACG).

Para pemimpin itu ditemui di Persidangan Antarabangsa Mengenai Pemulihan Pengganas dan Ketahanan Masyarakat anjuran RRG dan Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) semalam.

Acara itu, yang juga bagi merayakan ulang tahun ke-10 RRG, dihadiri Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong.

Penutup persidangan dua hari itu akan diadakan malam ini, dengan Menteri Kanan Emeritus, Encik Goh Chok Tong, dijangka menghadiri majlis makan malam di Masjid Khadijah.

Salah seorang penceramah antarabangsa persidangan itu, Pengerusi dan CEO firma runding cara keselamatan berpangkalan di Amerika Syarikat, Soufan Group, Encik Ali Soufan, berkata apa yang baik tentang program RRG ialah ia berdasarkan konteks Singapura dan "bukan sesuatu yang diimport".

Melihat tarikan Internet ke atas

golongan muda, RRG percaya mesej-mesej menentang fahaman ekstrem perlu dipakej agar mudah diterima umum. Seterusnya, kita perlu meneruskan usaha mendekati masyarakat menerusi forum awam dan media dalam talian.

— Ustaz Haji Ali Mohamed.